

HASiL/2024/03/05-15

**TAX CORPORATE GOVERNANCE FRAMEWORK (TCGF)
GUIDELINES DAN FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQ)
TERKINI SERTA RANGKA KERJA TADBIR URUS PERCUKAIAN
KORPORAT VERSI BAHASA MELAYU TELAH DIMUAT NAIK KE
PORTAL RASMI HASiL**

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) terus komited dalam memastikan kejayaan pelaksanaan program *Tax Corporate Governance (TCG)* yang dilancarkan pada 1 Mac 2022 dengan menambah baik dokumentasi rujukan sedia ada pembayar cukai. HASiL dengan ini memaklumkan *Tax Corporate Governance Framework (TCGF) Guidelines* dan *Frequently Asked Questions (FAQ)* telah dikemaskini sehingga 23 Februari 2024 serta Rangka Kerja Tadbir Urus Percukaian Korporat versi Bahasa Malaysia telah dimuat naik ke portal rasmi HASiL.

Pengemaskinian yang dibuat ke atas TCGF *Guidelines* dan FAQ terkini adalah berdasarkan maklum balas yang diterima daripada beberapa siri sesi libat urus yang dijalankan bersama agensi kerajaan, organisasi dan pengamal percukaian serta kajian amalan terbaik pelaksanaan berkesan program TCG.

Perubahan TCGF *Guidelines* adalah meliputi perkara berkaitan pemantauan (monitoring), aspek keberkesanan rangka kerja kawalan percukaian (effectiveness of tax control framework), pelaporan ujian kawalan (reporting control testing) dan pelaporan tadbir urus percukaian, kawalan dan pengurusan risiko (reporting tax governance, control, and risk management).

Selain daripada itu, bagi memastikan pemahaman dan penggunaan TCGF yang lebih meluas di Malaysia, dokumen Rangka Kerja Tadbir Urus Percukaian Korporat turut diterjemah dalam versi Bahasa Melayu.

Dokumen-dokumen ini boleh diakses serta dimuat turun dengan langkah mudah seperti yang berikut:

- i. Layari Portal Rasmi HASiL di <https://www.hasil.gov.my/>;
- ii. Klik menu **Perundangan > Rangka Kerja > Rangka Kerja Tadbir Urus Percukaian Korporat > *Guidelines tax Corporate Governance Framework*** atau **> Rangka Kerja Tadbir Urus Percukaian Korporat** atau **> *Frequently Asked Questions Tax Corporate Governance Framework and Guidelines***; atau
- iii. Capaian pantas di pautan:

Guidelines Tax Corporate Governance Framework

https://www.hasil.gov.my/media/34ymucit/guidelines_tax_corporate_governance_framework_2.pdf



@HASiLMalaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia

Rangka Kerja Tadbir Urus Percukaian Korporat

https://www.hasil.gov.my/media/dvhfx2bd/tax_corporate_governance_framework_ork_tcgf_1.pdf

Frequently Asked Questions Tax Corporate Governance Framework and Guidelines

https://www.hasil.gov.my/media/as4aosx1/20240223_faq_tax_corporate_governance_framework.pdf

Untuk sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- E-mel khas tcg@hasil.gov.my;
- Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- HASiL Live Chat; atau
- Borang Maklum Balas di Portal Rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

ESCALATE THE PASSION

Dikeluarkan Oleh:

**Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 5 Mac 2024